




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

23 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 161 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 239,187 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 377 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 231,500 orang. Manakala 750 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 414 orang di hospital, 329 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 35 orang merangkumi 32 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan lapan (8) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 21 (23.86%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Lahad Datu berubah dari zon jingga ke zon kuning, Beluran dari zon kuning ke zon jingga dan Kudat berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah.
- Zon Jingga tujuh (7) daerah.
- Zon Merah 15 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kedudukan semasa kes COVID-19 di Sabah bertambah baik hari ini dengan jumlah terbaru 161 kes, penurunan 41 kes berbanding kelmarin.
- b. Hanya tujuh (7) daerah mencatat jumlah kes baharu dua angka iaitu, Tuaran (27) kes, Kota Kinabalu (24) kes, Papar (12) kes, Penampang (12) kes, Kota Belud (12) kes, Putatan (11) kes dan Sandakan (10) kes. Enam (6) daerah masing-masing mencatat satu kes sahaja hari ini, dan tidak ada kes baharu di tiga (3) daerah, Kunak, Sipitang dan Kalabakan.
- c. Sebanyak 155 orang daripada 161 pesakit baharu adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) orang dalam Kategori 3, masing-masing satu (1) kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5. Satu (1) kes lagi masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- d. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (49) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	5	3.11%
2	Bergejala	88	54.66%
3	Kontak	49	30.43%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	19	11.80%
JUMLAH		161	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (22 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 22/12/2021	Catatan Kes 23/12/2021	Perbandingan
1	Putatan	5	11	+6
2	Penampang	8	12	+4
3	Papar	9	12	+3
4	Tongod	2	5	+3
5	Kudat	0	2	+2
6	Tenom	5	6	+1
7	Telupid	0	1	+1
8	Tambunan	5	5	Mendatar
9	Kuala Penyu	3	3	Mendatar
10	Nabawan	1	1	Mendatar
11	Tawau	1	1	Mendatar
12	Kinabatangan	1	1	Mendatar
13	Kalabakan	0	0	Mendatar
14	Kunak	0	0	Mendatar
15	Kota Kinabalu	43	24	-19
16	Ranau	17	6	-11
17	Sandakan	17	10	-7
18	Tuaran	31	27	-4
19	Keningau	6	2	-4
20	Sipitang	4	0	-4
21	Kota Belud	15	12	-3
22	Kota Marudu	8	5	-3
23	Lahad Datu	3	1	-2
24	Beaufort	10	9	-1
25	Beluran	3	2	-1
26	Semporna	3	2	-1
27	Pitas	2	1	-1
JUMLAH		202	161	-41

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (09 Disember – 22 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Tuaran	0	0	27	0	0	27	366
Kota Kinabalu	0	10	12	0	2	24	485
Kota Belud	0	6	4	0	2	12	225
Papar	0	6	5	0	1	12	197
Penampang	0	3	7	0	2	12	223
Putatan	0	5	3	0	3	11	124
Sandakan	5	0	4	0	1	10	116
Beaufort	0	6	3	0	0	9	88
Ranau	0	0	5	0	1	6	222
Tenom	0	2	4	0	0	6	114
Kota Marudu	0	4	1	0	0	5	78
Tambunan	0	3	2	0	0	5	63
Tongod	0	0	5	0	0	5	16
Kuala Penyu	0	3	0	0	0	3	75
Keningau	0	0	1	0	1	2	72
Beluran	0	1	1	0	0	2	21
Kudat	0	0	0	0	2	2	33
Semporna	0	0	0	0	2	2	10
Lahad Datu	0	0	1	0	0	1	19
Pitas	0	0	0	0	1	1	26
Tawau	0	0	1	0	0	1	41
Kinabatangan	0	0	1	0	0	1	22
Nabawan	0	0	0	0	1	1	22
Telupid	0	0	1	0	0	1	23
Sipitang	0	0	0	0	0	0	34
Kunak	0	0	0	0	0	0	1
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
JUMLAH	5	49	88	0	19	161	2,719

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Sandakan	Kluster Milienium Saudi	5
Jumlah		5

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,216 unit

- Hospital 1,329 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 17.79%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 23 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	150
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	10
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	161

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	10
Jumlah	10

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	157
Bukan Malaysia	4
Jumlah	161

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	28
Belum Menerima Vaksin	16
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	112
Dos Penggalak	5
Jumlah	161

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	0
1 to 5	16
6 to 11	12
12 to 17	11
18 to 25	19
26 to 59	80
>60	23
Jumlah	161

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 22 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,223 orang. Daripada jumlah ini, seramai 5,991 orang adalah penduduk dewasa dan 232 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 22 Disember 2021 adalah seramai 2,447,515 orang. Ini meliputi 2,111,595 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.55% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,401,090 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,469 orang atau 75.79% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,920 orang atau 77.40% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 310,621 atau 71.57% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,845** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,678 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 52 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 125 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) lagi tangkapan di bawah Akta Imigresen 1959/63.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1044 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Kinabatangan
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 557 premis perniagaan dan 963 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 275 Premis Perniagaan melibatkan 143 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 28 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 85 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.7%
2	Semporna	98.7%
3	Beluran	98.6%
4	Kinabatangan	98.6%
5	Sipitang	98.6%
6	Tenom	98.5%
7	Kota Marudu	98.5%
8	Beaufort	98.5%
9	Keningau	98.5%
10	Tuaran	98.4%
11	Kudat	98.4%
12	Penampang	98.3%
13	Sandakan	98.2%
14	Kota Belud	98.2%
15	Lahad Datu	98.2%
16	Papar	98.2%
17	Kota Kinabalu	98.1%
18	Ranau	98.1%
19	Tawau	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II